

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM]

SOALAN NO. 474

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG [AYER HITAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci mengenai Butiran Subsidi dan Bantuan Tunai (Butiran No.020500) :

(a) jumlah subsidi diesel kepada nelayan, petani dan pekebun kecil yang telah dijadualkan dalam Bajet 2019; dan

(b) jumlah subsidi bagi subsidi diesel yang melibatkan pendidikan, kesihatan, kebajikan masyarakat serta sektor keselamatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Selaras dengan langkah merasionalisasi subsidi di bawah inisiatif mengurangkan kebergantungan terhadap subsidi tidak kritikal secara berperingkat, Kerajaan amat komited dalam pelaksanaan subsidi/insentif/bantuan secara bersasar agar setiap peruntukan yang disalurkan sampai kepada rakyat yang benar-benar memerlukan serta mengurangkan ketirisan yang berlaku.

2. Secara umumnya sejumlah RM545 juta diperuntukkan dalam tahun 2019 bagi tujuan subsidi diesel merangkumi keperluan dalam sektor industri dan pertanian. Subsidi ini merupakan inisiatif Kerajaan dalam membantu mengurangkan kos pengeluaran di peringkat input. Bagi nelayan kelas A, B dan C kadar diesel dikekalkan pada RM1.65 seliter berbanding harga runcit RM2.18 seliter.

3. Pengguna petrol RON95, Diesel dan Gas Cecair (LPG) yang terdiri daripada penduduk Malaysia termasuk pengguna sektor nelayan, petani, pengangkutan awam dan juga kenderaan barangan masih menerima manfaat Subsidi LPG, Diesel dan Petrol. Kerajaan juga mengekalkan harga paras petrol RON95 pada kadar RM2.08 seliter bermula 2 Mac 2019 walaupun kadar sebenar telah meningkat kepada RM2.16 seliter. Ini

SOALAN NO : 474

selaras dengan komitmen Kerajaan Pakatan Harapan dalam menangani kos sara hidup rakyat.

4. Perincian subsidi/insentif/bantuan bagi sektor sosial yang disediakan melibatkan pendidikan, kebajikan masyarakat serta sektor keselamatan antaranya adalah seperti di Jadual berikut:

Ringkasan Maklumat Subsidi Sosial Bagi Sektor Pendidikan, Kesihatan, Kebajikan Masyarakat dan Keselamatan

BIL	SUBSIDI/INSENTIF/BANTUAN	PERUNTUKAN DIPINDA 2018 (RM)	PERUNTUKAN 2019 (RM)
A	KESELAMATAN	84,587,200	132,103,500
B	KEBAJIKAN MASYARAKAT	8,828,535,700	7,328,061,400
C	PENDIDIKAN	8,217,536,216	6,888,390,450
1.	Bantuan Pendidikan	3,637,482,166	3,119,526,700
2.	Biasiswa/Pinjaman Pelajaran	4,580,054,050	3,768,863,750
	JUMLAH PERUNTUKAN SUBSIDI/BANTUAN/INSENTIF	17,130,659,116	14,348,555,350